

29 JAN 2001

Hasmah-Iraq (Bergambar)

KUMPULAN 11 GESA KERAJAAN DESAK PBB TARIK BALIK SEKATAN TERHADAP IRAQ

PUTRAJAYA, 29 Jan (Bernama) -- Kumpulan sebelas (G11) wanita yang diketuai isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang melawat Iraq Mac tahun lepas, hari ini menggesa kerajaan meneruskan desakan terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya menarik balik sekatan yang dikenakan terhadap negara itu.

Gesaan itu terkandung di dalam laporan lawatan berkenaan yang disampaikan Dr Siti Hasmah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya hari ini.

Semasa bercakap kepada pemberita, Dr Siti Hasmah berkata gesaan itu dibuat atas nama kemanusiaan dan bukannya bermatlamatkan politik.

"Kita tidak boleh berdiam diri sahaja. Kita perlu meluaskan kesedaran mengenai kesan sekatan itu ke negara lain khususnya kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) supaya mereka akan bersama dengan kita untuk menggesa penarikan semula sekatan itu," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri sendiri telah bersetuju untuk membawa laporan itu kepada mesyuarat Kabinet untuk dibincangkan dan memutuskan bentuk tindakan susulan yang boleh diambil.

"Semasa perbincangan, Dr Mahathir turut menasihatkan kami supaya mengatur strategi agar lawatan pertama itu tidak terus menjadi lawatan yang terakhir.

"Malah, kami juga dinasihatkan supaya berhubung dengan kumpulan atau pertubuhan dari negara-negara lain seperti Thailand dan Vietnam yang telah mengadakan lawatan serupa ke Iraq supaya dapat bertukar-tukar pengetahuan," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata antara yang terkandung di dalam laporan itu ialah segala bukti dan gambar-gambar yang menunjukkan penderitaan yang terpaksa ditanggung rakyat Iraq akibat sekatan yang dikenakan PBB.

"Ia adalah bukti yang telah kami lihat sendiri selepas melawat hospital, sekolah dan perhubungan kami dengan pelbagai agensi antarabangsa yang ada di Baghdad," katanya.

Oleh itu antara agenda yang akan diambilkira dalam lawatan kedua mereka nanti adalah untuk membawa ubat-ubatan, buku-buku, majalah dan bahan-bahan bacaan lain terutama barangan yang dikehendaki kanak-kanak.

"Kanak-kanak dan rakyat negara itu kekurangan bahan bacaan...ini yang membimbangkan kami kerana akan wujud generasi yang tidak akan tahu apa yang sedang berlaku di luar dunia mereka," katanya.

Mengulas mengenai peletakan jawatan penyelarasan kemanusiaan PBB ke Iraq Hans Von Sponeck selepas program minyak bagi makanan PBB gagal memenuhi keperluan kemanusiaan 22 juta penduduk Iraq, Dr Siti Hasmah berkata: "Ini kerana terdapat kekurangan dan ketidaktepatan dalam PBB sendiri.

"Apa yang dinyatakan di PBB (mengenai Iraq) adalah salah. Dan beliau (Sponeck) tidak dapat menerimanya. Beliau mempunyai segala butiran (mengenai Iraq), tetapi semuanya disalah petik.

"Apa yang dia hendak buat semua jadi tidak betul," katanya.

Sekatan yang dikenakan terhadap Iraq pada 2 Ogos 1990 selepas ia menceroboh negara jiran Kuwait, menghalang eksport produk minyak daripada Iraq, dan jualan serta bekalan semua produk, termasuk senjata dan peralatan ketenteraan lain serta pemindahan peruntukan ke Iraq.

-- BERNAMA
NHA AHH RON